



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : anhisam@moh.gov.my

Ruj Kami: KKM/87/P2-1/14-1 Jld 3(54)

Tarikh : 28 April 2014

Semua Pengarah Hospital Latihan Siswazah
Semua Pegawai Kesihatan Daerah

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN POSTING KESIHATAN PRIMER SEBAGAI SALAH
SATU POSTING ALTERNATIF DALAM PROGRAM PEGAWAI
PERUBATAN SISWAZAH**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Kelayakan Perubatan (LKP) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan pemantauan Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS). LKP yang bersidang pada 13.1.2014 (Bil 1/2014) telah meluluskan penempatan PPS di posting Kesihatan Primer sebagai salah satu lagi posting alternatif, selain posting Perubatan Kecemasan, posting Anestesiologi dan posting Psikiatri. Taklimat pelaksanaan program ini telah diadakan pada 23 Januari 2014 melibatkan semua Hospital Latihan Siswazah, Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan yang terlibat.


3. Bagi melicinkan pelaksanaan, buku log posting Kesihatan Primer yang telah selesai dicetak akan diedarkan bersekali dengan surat ini kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terlibat dalam latihan siswazah di posting Kesihatan Primer ini. Sukacita YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dapat menempatkan PPS untuk menjalani posting Kesihatan Primer misalnya mulai 2 Mei 2014. Maklumat lanjut mengenai tatacara pelaksanaan posting Kesihatan Primer ini adalah seperti dalam Garis Panduan Tatacara Pelaksanaan Posting Kesihatan Primer bagi Program Pegawai Perubatan Siswazah (Lampiran 1 yang berkuatkuasa mulai tarikh surat ini diedarkan. Walaubagaimanapun, ia akan dikemaskini dari masa ke semasa jika ada perubahan dan polisi yang berkaitan.

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi Dr Noraini binti Mohd Yusof, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga di talian 03 88832158 atau emel drnorainimy@moh.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Yang Ikhlas,



(DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kesihatan Negeri _____
Jabatan Kesihatan Negeri _____

Setiausaha
Majlis Perubatan Malaysia

Pengarah Institut Pengurusan Kesihatan

**GARIS PANDUAN TATACARA PELAKSANAAN POSTING KESIHATAN PRIMER
SEBAGAI SALAH SATU POSTING ALTERNATIF
DALAM PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS)**

1. Tujuan :

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan tatacara pelaksanaan latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di posting Kesihatan Primer sebagai salah satu posting alternatif.
- 1.2. Garis panduan ini perlu dibaca bersekali dengan:
 - 1.2.1. Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah
 - 1.2.2. Surat Arahan Ketua Pengarah Kesihatan mengenai Pementapan Program Pegawai Perubatan Siswazah KKM/87/P2-1/14-1 Jld 8(10) bertarikh 24 Disember 2013.

2. Latar Belakang Pelaksanaan Posting Kesihatan Primer Untuk Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS)

2.1. Posting Kesihatan Primer telah diputuskan oleh Y.B. Menteri Kesihatan semasa Mesyuarat Halatuju Kementerian Kesihatan Malaysia pada Oktober 2013 .

2.2. Rasional :

- i. Bilangan PPS yang semakin ramai dan kian meningkat setiap tahun yang perlu ditempatkan untuk menjalani latihan siswazah namun setakat ini hanya terdapat 42 buah Hospital Latihan Siswazah (HLS).
- ii. Penempatan di posting Kesihatan Primer adalah perlu untuk memberikan pendedahan yang mencukupi bagi memastikan PPS menjadi Pegawai Perubatan yang kompeten, berkualiti dan selamat.
- iii. Memberi pendedahan klinikal di bidang Kesihatan Primer selain menarik minat PPS untuk menceburi bidang Perubatan Keluarga sebagai pilihan karier di masa hadapan.
- iv. Meningkatkan kualiti penjagaan pesakit secara menyeluruh (*holistic*).
- v. Mengukuhkan peranan *gate keeping* di Kesihatan Primer. Ini dapat memastikan rujukan yang wajar, mengurangkan beban kewangan dan masa yang ditanggung oleh pesakit dan keluarga serta membolehkan pihak hospital memberi lebih tumpuan pada rawatan pesakit dalam.
- vi. Meningkatkan *clinical leadership* kepakaran Perubatan Keluarga setara dengan bidang kepakaran perubatan yang lain.
- vii. Meningkatkan kemahiran kerja berpasukan, penjagaan holistik, promotif dan pencegahan.
- viii. Memperkukuhkan pemahaman tentang sistem rujukan dari fasiliti Kesihatan Primer ke fasiliti kesihatan sekunder (*referral network*) dan juga kerjasama dengan agensi luar (Kebajikan, JHEOA)

2.3. Lembaga Kelayakan Perubatan (LKP) dalam Mesyuarat Bil3/2014 (13.09.2013) September 2013 telah bersetuju agar posting Kesihatan Primer dilaksanakan sebagai salah satu posting alternatif dan **ditawarkan kepada semua PPS** dan telah meluluskan buku log posting Kesihatan Primer dalam Mesyuarat Bil 1/2014 (13.01.2014)

3. Aspek Perundangan Posting Kesihatan Primer Di Bawah Akta Perubatan 1971 Seksyen 13

3.1. Akta Perubatan 1971 Seksyen 13 (2) menyatakan bahawa PPS mesti menjalani 3 posting wajib bidang Perubatan (Perubatan atau Pediatrik), bidang Pembedahan (Pembedahan Am atau Ortopedik) dan O&G sebelum menjalani posting alternatif.

3.2. Bagi posting Kesihatan Primer, PPS boleh dibenarkan menjalani posting Kesihatan Primer **selepas diperakukan** di posting Perubatan, Pembedahan atau Ortopedik, O&G dan Pediatrik; iaitu seawal posting ke-5 dalam latihan siswazah.

4. Tatacara Pemilihan PPS Untuk Menjalani Posting Kesihatan Primer

4.1. PPS boleh memilih untuk menjalani posting Kesihatan Primer, sebagai salah satu posting alternatif selain daripada posting Perubatan Kecemasan, posting Anestesia atau posting Psikiatri (di beberapa HLS terpilih) sama ada sebagai posting ke 5 atau 6, setelah mencukupi syarat seperti dalam Para 3.1 dan 3.2, namun ianya tertakluk kepada:

- 4.1.1. Hanya terbuka bagi PPS yang menjalani program PPS di Hospital Latihan Siswazah (HLS) yang terletak dalam lingkungan 25 kilometer daripada Klinik Kesihatan yang dikenalpasti. (Rujuk Lampiran A)
- 4.1.2. Pilihan PPS sendiri – PPS boleh memohon untuk ditempatkan di posting Kesihatan Primer
- 4.1.3. Keperluan PPS di posting-posting lain sekiranya terdapat kekurangan PPS di posting alternatif yang lain
- 4.1.4. Pertimbangan oleh Pengarah HLS

5. Kriteria Klinik Kesihatan Untuk Menerima Penempatan PPS Bagi Posting Kesihatan Primer

5.1. Memandangkan tidak semua Klinik Kesihatan mempunyai Pakar Perubatan Keluarga dan *casemix* yang mencukupi, pelaksanaan posting Kesihatan Primer ini akan terhad kepada beberapa Klinik Kesihatan sahaja (Rujuk Lampiran A).

5.2. Pemilihan Klinik Kesihatan adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan, mengambilkira antara lain jumlah masa bekerja, keperluan pemantauan dan penilaian oleh pakar, penempatan yang berkualiti dan mampu memberi pendedahan klinikal yang mencukupi untuk PPS.

5.3. Selain itu, Klinik Kesihatan yang menjalankan posting Kesihatan Primer juga perlu mempunyai bebanan kerja (*workload*), peralatan dan kemudahan yang mencukupi bagi memastikan latihan yang mencukupi dapat diberikan terhadap PPS. Susulan itu, syarat *Inclusion/Exclusion Criteria* telah diperkenalkan dalam memilih klinik kesihatan untuk posting Kesihatan Primer, termasuk perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pelaksanaannya.

5.4. *Inclusion Criteria* pemilihan Klinik Kesihatan:

- 5.4.1. Klinik Kesihatan yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang Pakar Perubatan Keluarga residen.
- 5.4.2. Klinik Kesihatan yang berada dalam jarak lingkungan 25 kilometer daripada HLS di mana pegawai menjalani latihan siswazah (Rujuk Lampiran A). Namun begitu PPS tidak boleh membuat tuntutan perjalanan ke klinik kesihatan tersebut dari HLS di mana PPS ditempatkan
- 5.4.3. Klinik Kesihatan dengan *case mix* yang mencukupi meliputi skop perkhidmatan dari *womb to tomb* seperti kesihatan ibu, kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas, menyediakan perkhidmatan kecemasan / pra-hospital (aspek kualiti latihan) dan mempunyai bilangan kes yang mencukupi untuk memberi pendedahan kepada PPS (aspek kuantiti latihan) seperti bilangan kelahiran, kedatangan OPD, bilangan kes kecemasan dan lain-lain.
- 5.4.4. Klinik Kesihatan dilengkapi perkhidmatan sokongan klinikal makmal dan farmasi
- 5.4.5. Klinik Kesihatan dengan perkhidmatan selepas waktu pejabat (*extended hours*)
- 5.4.6. Klinik Kesihatan yang aktif melaksanakan aktiviti CME.

5.5. Jumlah PPS yang boleh ditempatkan di posting Kesihatan Primer

- 5.5.1. Untuk permulaan, jumlah PPS yang boleh ditempatkan di posting Kesihatan Primer adalah mengikut kadar 1 orang Pakar Perubatan Keluarga kepada 1 orang PPS. Jumlah ini boleh ditingkatkan pada masa hadapan secara berfasa kepada 1 orang Pakar Perubatan Keluarga kepada 5 orang PPS, mengikut keperluan semasa yang akan ditentukan kemudian.
- 5.5.2. Di Klinik Kesihatan, setiap PPS perlu ditugaskan bersama seorang Pegawai Perubatan gred UD48 dan ke atas (*Buddy System*) termasuk apabila menjalani latihan tugas di luar Klinik Kesihatan.

6. Aspek Latihan PPS Semasa Menjalani Posting Kesihatan Primer

6.1. Tempoh posting Kesihatan Primer adalah 4 bulan. Adalah diingatkan bahawa PPS yang ditempatkan ke posting Kesihatan Primer adalah untuk menjalani latihan, bukannya sebagai *extra-pair of hand* kepada Pegawai Perubatan (M.O) dalam pemberian perkhidmatan kepada pesakit. Aspek perkhidmatan teras masih perlu dilaksanakan oleh Pakar Perubatan Keluarga dan Pegawai Perubatan (M.O).

6.2. Tatacara latihan bagi PPS di posting Kesihatan Primer adalah sama seperti yang diamalkan di posting-posting lain seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah, di mana ianya merangkumi aspek:

6.2.1. Tempoh posting

6.2.2. Tatacara penilaian prestasi PPS

6.2.3. Pengisian buku log

6.2.4. Tatacara pelanjutan posting

6.2.5. Kehadiran sesi *Continuous Medical Education (CME)*

6.3. Sistem Waktu Bekerja bagi PPS di posting Kesihatan Primer

6.3.1. PPS yang ditempatkan di posting Kesihatan Primer akan bertugas mengikut waktu operasi klinik termasuk *extended hours*, tugas atas panggilan (*on-call services*), tugas *outreach* dan perkhidmatan komuniti bagi mencapai keperluan latihan siswazah dan purata waktu bekerja sebanyak 65 – 75 jam dalam seminggu. PPS masih layak diberikan Elaun Fleksi asalkan memenuhi syarat pemberian Elaun Fleksi sedia ada.

6.4. Skop utama pembelajaran menekankan kompetensi Pegawai Perubatan Siswazah dalam aspek penjagaan promotif, pencegahan, kuratif dan pemulihan dari peringkat *womb to tomb* secara holistik sepertimana yang diperincikan di dalam Buku Log.

6.5. Di samping itu, PPS juga hadir sekurang-kurangnya 75% daripada sesi pembelajaran berterusan (CME) yang dijadualkan sepanjang 4 bulan posting Kesihatan Primer (sama seperti posting-posting lain).

6.6. Penyeliaan terhadap latihan PPS adalah di bawah tanggungjawab Pakar Perubatan Keluarga melalui:-

- *Direct observation (clinical and non-clinical skills, attitude, knowledge)*
- *Indirect observation* melalui *peers/staf*

- *Interview*
- *Audit cards for clinical documentation*
- Dokumentasi (Buku Log)

6.7. Penilaian Kompetensi:

- a. Penilaian kompetensi dilaksanakan berdasarkan kaedah penyeliaan dan Buku Log sebagai dokumentasi.
- b. Buku Log yang telah siap ditandatangani oleh Pakar Perubatan Keluarga dan disahkan oleh Pegawai Kesihatan Daerah akan dihantar ke hospital berserta dengan surat dari Pejabat Kesihatan Daerah.
- c. Penilaian kompetensi PPS akan dibuat di peringkat Jawatankuasa Program Pegawai Perubatan Siswazah di Peringkat HLS yang akan dianggotai juga oleh Pegawai Kesihatan Daerah dan Pakar Perubatan Keluarga.
- d. PPS akan melalui sistem penilaian semula sekiranya belum mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan mengikut tatacara sedia ada seperti disiplin klinikal yang lain (seperti yang digariskan dalam Buku Panduan Program Perubatan Siswazah Edisi 2012).

7. Aspek Pentadbiran PPS Semasa Menjalani Posting Kesihatan Primer

- 7.1. Aspek cuti, gaji, kehadiran, tatatertib dan lain-lain aspek pentadbiran adalah sama seperti di lain-lain posting seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah.
- 7.2. Pembayaran Gaji & Emolumen dan Buku Perkhidmatan PPS adalah di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) asal iaitu di masing-masing HLS.
- 7.3. Pengurusan cuti PPS juga adalah di bawah PTJ asal (HLS). Permohonan cuti perlu disokong oleh Pakar Perubatan Keluarga, diluluskan oleh Pegawai Kesihatan Daerah, direkod dan dihantar ke HLS untuk dokumentasi.

7.4. Tuntutan perjalanan:

- 7.4.1. PPS yang menjalani tugas rasmi di dalam lingkungan ibu pejabat (jarak pentadbiran 25 kilometer) tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan seperti peraturan sedia ada.
- 7.4.2. PPS yang menjalankan tugas rasmi di luar lingkungan ibu pejabat (lebih 25 kilometer) layak menuntut elaun, kemudahan dan

bayaran mengikut kadar dan syarat yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2003 berkenaan contohnya Elaun Makan, Elaun Harian, Bayaran Sewa Hotel dan lain-lain.

- 7.4.3. PPS yang bertugas semasa *extended hours* tidak akan dibayar tuntutan lokum / sesional kerana mereka sudahpun menerima Elaun Fleksi.

7.5. Penyelarasan Penempatan

- 7.5.1. Penetapan penempatan PPS akan dibuat sepenuhnya oleh Jawatankuasa Program Pegawai Perubatan Siswazah Di Peringkat Hospital.

- 7.5.2. Senarai nama PPS perlu dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah **satu bulan sebelum** tarikh penempatan di Klinik Kesihatan.

7.6. Keperluan penginapan semasa tempoh penempatan

- 7.6.1. Keperluan penginapan semasa tempoh penempatan di posting Kesihatan Primer adalah di bawah tanggungjawab PPS.

7.7. Aspek medikolegal

- 7.7.1. PPS adalah di bawah tanggungjawab penyelia sepenuhnya sepanjang tempoh penempatan di Klinik Kesihatan.

7.8. Tindakan Tatatertib

- 7.8.1. Pegawai Kesihatan Daerah perlu melaporkan PPS yang perlu diambil tindakan tatatertib kepada pihak HLS untuk diambil tindakan.

8. Pelaksanaan dan Peranan Pengarah HLS / Pegawai Kesihatan Daerah

8.1. Posting Kesihatan Primer ini disaran untuk dilaksanakan mulai Mei 2014.

8.2. Senarai HLS, Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan yang terlibat pada fasa pertama ini adalah seperti di Lampiran A. Senarai ini akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian.

8.3. Semua Pengarah HLS hendaklah memaklumkan arahan ini kepada semua Ketua Jabatan yang mengendalikan program PPS supaya ketetapan ini dapat dilaksanakan serta melantik Pegawai Kesihatan Daerah dan Pakar Perubatan Keluarga dari Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan

yang terlibat (Lampiran A) sebagai Ahli Jawatankuasa Program Pegawai Perubatan Siswazah peringkat hospital.

9. Pertanyaan dan Maklumbalas

9.1. Adalah dimaklumkan bahawa Garis Panduan Am ini hanyalah sebagai panduan bagi membantu pelaksanaan posting Kesihatan Primer di Klinik Kesihatan. Susulan itu pihak HLS serta Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan berkaitan bolehlah membuat penyesuaian mengikut keperluan setempat bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran program PPS.

9.2. Garis Panduan ini adalah dinamik dan perlu dikemaskini dan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Susulan itu, KKM mengalu-alukan sebarang input dan maklumbalas bagi tujuan pemurnian dan penambahbaikan program PPS.

9.3. Sebarang pertanyaan atau maklumbalas sila hubungi:

**Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
(Cawangan Kesihatan Primer)
(u/p: Dr. Noraini Mohd Yusof)
No Tel: 03-88832158
No Faks: 03-88832210**

**Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
(Cawangan Pembangunan Profesion Perubatan)
(u/p: Dr. Hj. Rohaizat Hj. Yon)
No Tel: 03-88831107
No Faks: 03-88831105**


**SENARAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH, PEJABAT KESIHATAN DAERAH DAN
KLINIK KESIHATAN TERLIBAT DALAM PROGRAM PENEMPATAN PEGAWAI
PERUBATAN SISWAZAH (PPS) DI POSTING KESIHATAN PRIMER**

Bil.	Negeri	Hospital	Pejabat Kesihatan Daerah	Klinik Kesihatan
1	Perlis	Hospital Tuanku Fauziah	Kangar	Kangar
2			Kangar	Kuala Perlis
3	Kedah	Hospital Sultanah Bahiyah	Kota Setar	Bandar Alor Setar
4		Hospital Sultan Abdul Halim	Kuala Muda	Bandar Sungai Petani
5		Hospital Kulim	Kulim	Bandar Kulim
6	Selangor	Hospital Serdang	Petaling	Puchong
7		Hospital Kajang	Hulu Langat	Kajang
8			Hulu Langat	Bandar Baru Bangi
9		Hospital Sungai Buloh	Gombak	Sungai Buloh
10		Hospital Tengku Ampuan Rahimah	Klang	Pandamaran
11			Petaling	Medan Maju Jaya
12			Petaling	Shah Alam Seksyen 7
13	Pulau Pinang	Hospital Pulau Pinang	Barat Daya	Bayan Baru
14			Seberang Perai Tengah	Seberang Jaya
15	Wilayah Persekutuan	Hospital Kuala Lumpur	Kepong	Jinjang
16		Hospital Putrajaya	Putrajaya	Putrajaya Presint 9

Lampiran A

Bil.	Negeri	Hospital	Pejabat Kesihatan Daerah	Klinik Kesihatan
17	Negeri Sembilan	Hospital Tuanku Jaafar	Seremban	Seremban
18	Melaka	Hospital Melaka	Melaka Tengah	Ayer Keroh
19			Melaka Tengah	Peringgit
20			Jasin	Merlimau
21	Johor	Hospital Sultanah Fatimah	Muar	Bandar Maharani
22		Batu Pahat	Batu Pahat	Batu Pahat
23	Pahang	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah	Temerloh	Bandar Mentakab
24	Terengganu	Hospital Sultanah Nur Zahirah	Kuala Terengganu	Batu Rakit
25	Kelantan	Hospital Raja Perempuan Zainab II	Kota Bharu	Bandar Kota Bharu
26	Sabah	Hospital Queen Elizabeth	Kota Kinabalu	Inanam
27			Kota Kinabalu	Luyang
28		Hospital Duchess of Kent	Sandakan	Sandakan
29	Sarawak	Hospital Umum Sarawak	Kuching	Jalan Masjid
30		Hospital Miri	Miri	Tudan
	JUMLAH	22	24	30

CARTA ALIR PROSES PENEMPATAN PPS DI POSTING KESIHATAN PRIMER



❖ Log Book siap ditandatangani oleh FMS dan disahkan oleh PKD

❖ Log Book dihantar kepada JK Program PPS Hospital beserta surat iringan dari PKD dan maklumat cuti / cuti sakit yang telah diambil (2/52 sebelum tarikh tamat posting)